

**Muhyiddin Jumpa Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran  
Bernama  
21 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengadakan perjumpaan khas dengan ketua-ketua bahagian Kementerian Pelajaran di Kompleks E, di sini hari ini.

Ketibaan beliau disambut Menteri Pelajaran II, Datuk Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pelajaran I dan II, Datuk Mary Yap Kain Ching dan P.Kamalanathan.

Muhyiddin turut mengetip kad perakam waktu pada hari pertama memulakan tugas sebagai Menteri Pelajaran setelah kabinet baharu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, minggu lepas.

Ini merupakan penggal kedua Muhyiddin memegang jawatan Menteri Pelajaran.

Terdahulu, Idris, Yap dan Kamalanathan juga memulakan tugas dan mengetip kad perakam waktu secara rasmi di Kementerian Pelajaran di Presint 5 pada pukul 9 pagi.

Ketibaan mereka disambut pegawai dan kakitangan kementerian.

Sejurus tiba, Idris turut menunaikan solat hajat di pejabat kementerian tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951091>